

PROFIL PERSONALITI GURU CEMERLANG
SEKOLAH KEBANGSAAN DI DAERAH KULAIJAYA

NOOR KHAIRRIAH BT HJ. ARIF

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PROFIL PERSONALITI GURU CEMERLANG
SEKOLAH KEBANGSAAN DI DAERAH KULAIJAYA

NOOR KHAIRRIAH BT HJ. ARIF

Laporan Projek Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Bimbingan Dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2010

DEDIKASI

Sejuta kesyukuran dipanjatkan buat yang Maha Kuasa kerana dengan berkat rahmat dan inayahNya segala dipermudahkan...

Buat Arwah Ayah dan Emak yang kucintai...
(Arif Bin Talib Ali dan Siti Soleha Bt Sheikh Noh)

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga atas segala dorongan yang tidak pernah jemu
Jua untaian doa yang tidak pernah putus mengiringi tiap derap langkah perjuanganku
dalam
menimba ilmu
Terima kasih di atas segalanya
Pengorbananmu di sanjung tinggi

Buat adik-beradik yang kukasihi...
(K' Long, K' Ngah, K' Uda, K' Ateh, A' Cho, dan A' Chik)
Terima kasih dari keluhuran hati
Sokongan kalian mendidikku berjiwa kental
Pengorbanan kalian mengajaraku untuk lebih menghargai
Pertolongan kalian tanpa batasan
Sentiasa menghadiahkan doa untuk kejayaanku
Jasa dan budi kalian tak mampu ku balas
Semoga kalian sentiasa dirahmati – Nya
Kejayaan ini akan ku kongsi bersama kalian...

Buat semua rakan seperjuangan
(Ayu, Aida, Ima, Rin, Lida)
Terima kasih atas sokongan kalian
Jadikan kejayaan ini sebagai perangsang buat kalian...
Moga ikatan persahabatan dan silaturrahim kita akan kekal utuh selamanya

Buat Guru Besar yang kuhormati...
Terima kasih di atas kepercayaan, bimbingan, kebenaran dan tolenrasi yang telah
diberikan
sepanjang pengajian saya di UTM ini.
Jasa dan dorongan cikgu amat ku hargai...
Semoga Allah membalas segala kebaikan yang cikgu hulurkan
Di sepanjang perjuanganku ini...

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah. Setinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan rahmatnya, laporan penyelidikan ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam menyiapkan laporan kajian ini banyak perkara baru yang dapat saya pelajari. Berkat kesabaran dan tunjuk ajar yang diberikan laporan kajian penyelidikan ini berjaya disiapkan.

Ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Faizah Bt Abd. Ghani kerana telah banyak member nasihat dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan. Beliau yang bertindak sebagai pensyarah pembimbing banyak memberikan panduan dalam menyempurnakan laporan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada para responden yang banyak memberi kerjasama sewaktu proses mengumpulkan data-data kajian dilakukan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya. Jutaan terima kasih juga kepada guru besar dan guru-guru sekolah yang banyak membantu saya memberikan maklumat yang diperlukan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada guru-guru cemerlang sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya ini kerana meluangkan masa menjadi responden saya. Seterusnya buat semua pihak yang terlibat dalam membantu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan projek sarjana ini.

Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil personaliti guru cemerlang sekolah kebangsaan daerah kulaijaya dan hubungannya dengan pencapaian prestasi kerja guru cemerlang. Seramai 140 orang guru cemerlang dari 8 buah sekolah kebangsaan di daerah kulaijaya dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kuantitatif. Data dikumpul melalui soal selidik yang diterjemah daripada The Big Five Inventory (BFI) oleh Janet (2006). Darjah kebolehpercayaan bagi instrument BFI adalah di antara 0.73 hingga 0.80. Data yang telah dikumpul telah dianalisis menggunakan 'Statistical Packages for Social Science' (SPSS) versi 11.5 for windows. Analisis deskriptif menunjukkan guru cemerlang mendapat satu-satunya min tinggi iaitu bagi tret Agreeableness (A). Analisis juga menunjukkan bahawa guru cemerlang mendapat skor min sederhana bagi empat tret personaliti berikut iaitu Conscientiousness (C), Extraversion (E), Openness to Experience (O), dan Neuroticism (N). Analisis deskriptif bagi prestasi guru cemerlang pula menunjukkan sebanyak 72.9% yang mendapat prestasi sangat-sangat cemerlang, 12.9% yang mendapat prestasi terlalu cemerlang, 7.9% yang mendapat prestasi cemerlang dan hanya 6.4% sahaja yang mendapat prestasi amat cemerlang. Ujian Korelasi Pearson ' r ' dijalankan bagi menjawab 5 hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara profil personaliti guru cemerlang dengan prestasi kerja guru cemerlang.

ABSTRACT

This study aimed to identify the personality profile of A excellence teachers in the District of Kulaijaya and the relationship with the performance of the excellence teachers. Total of 140 excellence teachers from 8 national schools in District of Kulaijaya were at random chosen as respondents for this study. This study is done by quantitative approach. Data was collected through questionnaires which was translated from The Big Five Inventory (BFI) from Janet (2006). Degree of confidence by the instrument BFI is between 0.73 and 0.80. The data collected were analyzed using 'Statistical Packages for Social Science' (SPSS) version 11.5 for windows. Descriptive analysis showed that excellence teachers only got one high mean that is for the trait of Agreeableness (A). Analysis also showed that the excellence teachers got average mean score for four following trait personalities consist of Conscientiousness (C), Extraversion (E), Openness to Experience (O), dan Neuroticism (N). Descriptive analysis for the performance of excellence teachers also showed a percentage of 72.9% got very highly excellence, 12.9% got highly excellence, 7.9% got excellence and only 6.4% got the performance of very excellence. Pearson correlation 'r' was done to answer 5 study hypothesis. Finding from the study showed no significant correlation between personality profiles of excellence teachers and performance of excellence teachers.

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xx
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.7.1 Guru	13
1.7.2 Sekolah	14
1.7.3 Kementerian Pelajaran Malaysia	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	16
1.9.1 Profil	16
1.9.2 Personaliti	16
1.9.2.1 Openness to Experience	17
1.9.2.2 Conscientiousness	17
1.9.2.3 Extraversion	18
1.9.2.4 Agreeableness	19
1.9.2.5 Neuroticism	20
1.9.3 Guru	21
1.9.4 Cemerlang	21
1.9.5 Sekolah	23
1.9.6 Prestasi Kerja	24
1.10 Kesimpulan	25

2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Kerangka Teoritikal	27
2.3	Teori Personaliti	28
2.3.1	Teori Personaliti Sigmund Freud	29
2.3.2	Teori Personaliti Karen Horney	30
2.3.3	Teori Personaliti Gordon Allport	31
2.3.4	Teori Personaliti Raymond Cattell	32
2.3.5	Teori Personaliti Carl Jung	33
2.3.6	Teori Personaliti Hans J. Eysenck	34
2.3.7	Teori Hierarki Keperluan Maslow	34
2.3.8	Teori Ekuiti / Teori Persamaan	37
2.3.9	Teori Person-Environment Fit	38
2.3.10	Teori Trait Lima Faktor	39
2.4	Personaliti Mengikut Pandangan Islam	44
2.5	Sorotan Kajian-Kajian Lepas	46
2.5.1	Kajian Dalam Negeri	46
2.5.2	Kajian Luar Negeri	56
2.6	Kesimpulan	62
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	64
3.3	Tempat Kajian	65
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	66
3.5	Instrumen Kajian	67
3.5.1	Bahagian A : Butir Diri Responden	67
3.5.2	Bahagian B : Soal Selidik Big Five	69
3.6	Pengumpulan Data	71
3.7	Penganalisan Data	71
3.8	Kesimpulan	73
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	74
4.2	Analisis Deskriptif Maklumat Peribadi Responden	75
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	75
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	76
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	77
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	77
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	78
4.3	Analisis Deskriptif Tahap Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang	79
4.4	Analisis Deskriptif Profil Personaliti Guru Cemerlang	80

4.3.1	Analisis Domain Profil Personaliti Guru Cemerlang	81
4.3.2	Analisis Item	82
4.3.2.1	Analisis Item Bagi Domain Neuroticism	82
4.3.2.2	Analisis Item Bagi Domain Extraversion	83
4.3.2.3	Analisis Item Bagi Domain Openness to Experience	84
4.3.2.4	Analisis Item Bagi Domain Agreeableness	85
4.3.2.5	Analisis Item Bagi Domain Conscientiousness	86
4.5	Analisis Inferensi	87
4.5.1	Hubungan Antara Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang Berdasarkan Kepada Faktor Neuroticism	87
4.5.2	Hubungan Antara Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang Berdasarkan Kepada Faktor Agreeableness	88
4.5.3	Hubungan Antara Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang Berdasarkan Kepada Faktor Extraversion	89
4.5.4	Hubungan Antara Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang Berdasarkan Kepada Faktor Openness to Experience	90
4.5.5	Hubungan Antara Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang Berdasarkan Kepada Faktor Conscientiousness	91
4.6	Kesimpulan	92
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	93
5.2	Perbincangan	93
5.2.1	Dapatan Maklumat Peribadi Responden	94
5.2.2	Dapatan Profil Personaliti Guru Cemerlang Sekolah Kebangsaan Daerah Kulaijaya	96
5.2.3	Dapatan Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor Agreeableness, Conscientiousness, Openness to Experience, Extraversion, Dan Neuroticism	100
5.3	Cadangan	104

5.3.1	Cadangan Tindakan	104
5.3.2	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.4	Kesimpulan	110
RUJUKAN		111
LAMPIRAN		123

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Skala Prestasi Kerja Perkhidmatan Awam	25
Jadual 2.1	18 Subkomponen Dalam Lima Dimensi Tret Personaliti	44
Jadual 2.2	Penerangan Ciri-Ciri Seorang Guru Yang Baik Dengan Menggunakan Lima Faktor	57
Jadual 3.1	Kod Bagi Faktor Demografi	68
Jadual 3.2	Pecahan Item-Item BFI Mengikut Dimensi	70
Jadual 3.3	Skala Likert Lima Mata	70
Jadual 3.4	Klasifikasi Nilai Skor Min	72
Jadual 3.5	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	73
Jadual 4.1	Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina	75
Jadual 4.2	Analisis Taburan Responden Mengikut Umur	76
Jadual 4.3	Analisis Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	77
Jadual 4.4	Analisis Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	78
Jadual 4.5	Analisis Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	79
Jadual 4.6	Analisis Taburan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Prestasi Guru Cemerlang	80
Jadual 4.7	Nilai Min Bagi Setiap Domain Personaliti Guru Cemerlang	81
Jadual 4.8	Nilai Min Setiap Item Bagi Domain <i>Neuroticism</i>	82
Jadual 4.9	Nilai Min Setiap Item Bagi Domain <i>Extraversion</i>	83
Jadual 4.10	Nilai Min Setiap Item Bagi Domain <i>Openness to Experience</i>	84
Jadual 4.11	Nilai Min Setiap Item Bagi Domain <i>Agreeableness</i>	85
Jadual 4.12	Nilai Min Setiap Item Bagi Domain <i>Conscientiousness</i>	86
Jadual 4.13	Analisis Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor <i>Neuroticism</i>	87
Jadual 4.14	Analisis Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor <i>Agreeableness</i>	88
Jadual 4.15	Analisis Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor <i>Extraversion</i>	89
Jadual 4.16	Analisis Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor <i>Openness to Experience</i>	90
Jadual 4.17	Analisis Hubungan Pencapaian Prestasi Berdasarkan Faktor <i>Conscientiousness</i>	91

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH SURAT	TAJUK	MUKA
Rajah 2.1	Hierarki Keperluan Menurut Abraham H. Maslow	36

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

Ho 1	-	Hipotesis Nol 1
Ho 2	-	Hipotesis Nol 2
Ho 3	-	Hipotesis Nol 3
Ho 4	-	Hipotesis Nol 4
Ho 5	-	Hipotesis Nol 5
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
GC	-	Guru Cemerlang
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
IBMM	-	Institut BM Malaysia
FPG	-	Falsafah Pendidikan Guru
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
MTeST	-	<i>Malaysia Teachers Selection Test</i>
PF	-	Personaliti Faktor
FFT	-	<i>Five Factor Teory</i>
FFM	-	<i>Five Factor Model</i>
FFT	-	<i>Five Factor Taxonomy</i>
JDI	-	<i>Job Descriptive Index</i>
SAK	-	Sosial, Artistik, Konvensional
SKE	-	Sosial, Konvensional, Enterprising
SIK	-	Sosial, Investigatif, Konvensional
SIR	-	Sosial, Investigatif, Realistik
AIR	-	Artistik, Investigatif, Realistik
SM	-	Sekolah Menengah
LBDQ	-	<i>Leader Behaviour Description Questionnaire</i>
QMAT	-	<i>A Questionnaire Measure Of Individual Differences In Achieving Tendency</i>
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
ISMP	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
BM	-	Bahasa Melayu
BI	-	Bahasa Inggeris
KH	-	Kemahiran Hidup
SDS	-	Self-Directed Search
SPSS	-	<i>Statistical Packages For Social Science</i>
BFI	-	<i>The Big Five Inventory</i>
ASI	-	<i>Administrative Stress Indeks</i>
PISMP	-	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPT	-	Profil Personaliti Tajma
PST	-	Profil Stress Tajma
PPP	-	Penilaian Pengajaran Pensyarah
MSQ	-	<i>Minnesota Satisfaction Questionnaire</i>

PCI	-	<i>Position Classification Inventory</i>
NRI	-	<i>Nurse Retention Index</i>
DOT	-	<i>Dictionary Of Occupational Titles</i>
APC	-	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
SK	-	Sekolah Kebangsaan
N	-	Neuroticism
E	-	Extraversion
A	-	Agreeableness
O	-	Openess to Experience
C	-	Conscientiousness
R	-	Pekali Korelasi
P	-	Nilai Signifikan Bagi Ujian Korelasi
%	-	Peratus

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN SURAT	TAJUK	MUKA
A	Soal Selidik	124
B	Data Analisis SPSS	129
C	Surat Pengesahan Status Pelajar	149
D	Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pelajaran Johor	151
E	Surat Kebenaran Daripada Kementerian Pelajaran Malaysia	153
F	Surat Maklumat Bilangan Guru Cemerlang Daripada Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya	156

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan sangat penting dalam pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti merupakan wahana yang dapat membangunkan negara. Sistem pendidikan negara perlu meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap yang lebih tinggi agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke-21. Menurut Wan Abdul Kadir (2000) gagal atau berjayanya cita-cita negara sebahagian besar darinya berkait rapat dengan bidang pendidikan. Ini disebabkan pendidikan merupakan penggerak utama sumber tenaga manusia dalam sebuah masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan beberapa strategi melalui penggubalan atau pindaan dasar untuk memantapkan lagi sistem pendidikan kebangsaan.

Pendidikan merupakan salah satu faktor utama dalam mencapai Misi Nasional dan guru memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan ini. Justeru itu, guru perlu memahami, memberi komitmen dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam

melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006).

Sehubungan itu, guru sebagai golongan profesional yang memberikan khidmat mengajar dan mendidik kepada pelajar sudah pasti akan diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat dalam mengharungi perubahan tersebut. Hal ini dapat dikukuhkan dengan pandangan oleh bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Ainuddin Wahid yang menyatakan bahawa tugas guru adalah berat kerana setiap guru mempunyai peranan penting dalam membentuk sikap dan peribadi generasi yang akan datang selain daripada menyampaikan ilmu pengetahuan. Menurut Yaakob (1985), guru adalah contoh sepanjang masa kepada murid-muridnya. Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan oleh Faridah Karim dan Zubaidah (1998) yang mengatakan bahawa tugas guru bukan terikat kepada mengajar, mendidik dan membimbing semata-mata, malah guru telah dituntut untuk mempersiapkan diri dengan pelbagai kualiti, ilmu dan kemahiran agar dapat menjadi contoh kehidupan ascetic yang harus bertingkah laku ideal, menjadi tauladan kepada pelajar, tidak membuat kesilapan dan juga dapat menghasilkan satu bentuk pengajaran yang berkesan (Peter Songan dan Naravi, 2002).

Oleh itu, profesion perguruan di Malaysia memerlukan reformasi profesionalisme yang radikal dan drastik bagi mengatasi berbagai-bagai masalah, cabaran dan jangkaan baru dalam merealisasikan agenda-agenda pembangunan pendidikan. Peranan pendidikan dalam mencorak arus perubahan dan perkembangan masyarakat serta negara memerlukan anjakan paradigma profesionalisme perguruan yang lebih dinamis dan progresif. Warga pendidik adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses penerapan dan penyampaian ilmu kepada anak watan, sama ada rela atau tidak mereka dituntut untuk membangunkan diri dengan sebarang bentuk perubahan serta pembaharuan yang berlaku dari semasa ke semasa. Situasi tersebut secara umumnya menyebabkan guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar, lebih berat dan semakin kompleks.

Berlandaskan kepada fenomena tersebut, KPM telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dengan enam teras strategik di mana teras kelima memberi fokus kepada memartabatkan profesion keguruan. Fokus memartabatkan profesion keguruan ialah menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, memantapkan kerjaya guru, menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru dan memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006).

Dalam usaha memartabatkan profesion keguruan, gagasan Guru Cemerlang (GC) telah diperkenalkan pada tahun 1993. Jawatan guru cemerlang merupakan suatu bentuk insentif kepada guru yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam bidang mata pelajaran masing-masing. Guru cemerlang telah mula diperkenalkan pada tahun 1994 berasaskan memorandum Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Kabinet bertajuk “Sistem Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Pendidikan – Cadangan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Dan Menghasilkan Guru Yang Cemerlang” (April, 1993).

Kecemerlangan guru dan profesion keguruan perlulah memberi fokus kepada lima perkara utama yang menjadi asas kejayaan dan kewibawaan seseorang Guru Cemerlang. Ia adalah kekuatan intelek, kepimpinan berwibawa, kemurnian akhlak, kesediaan untuk berubah serta minat dan cinta terhadap profesionnya. Setiap fokus ini saling berkait, melengkapi serta bergerak serentak dan beriringan. Ia perlu dihayati dan diamalkan lima perkara tersebut agar sama-sama dapat memartabatkan profesion keguruan ini (Perutusan daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, 2008).

Kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut BM Malaysia (IBMM) dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan mendapati guru cemerlang memiliki sikap prihatin terhadap gaya pembelajaran sehingga berjaya mencerakinkan tahap kebolehan dan pencapaian pelajar. Oleh itu, mereka merupakan guru yang reflektif dan sentiasa meneroka secara mendalam dan berulang kali terhadap amalan dan tindakan

untuk meningkatkan keberkesanan hasil pengajaran di dalam bilik darjah. Malah guru cemerlang juga sentiasa membudayakan ekspektasi akademik yang tinggi ke atas pelajar. “Model pemikiran dan tindakan guru cemerlang ini boleh dimanfaatkan oleh semua warga pendidik untuk menjayakan program pembestarian perkembangan profesionalisme guru,” menurut kumpulan penyelidik itu (Dr. Hapidah Mohamed dan rakan-rakan, UKM).

Dalam konteks negara kita, perancangan dan pelaksanaan program pendidikan adalah ditumpukan kepada matlamat melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai dan mengamalkan ciri-ciri yang digariskan oleh wawasan 2020 iaitu bersatu padu, berkeyakinan, berpegang teguh kepada nilai moral, etika, amalan kehidupan yang demokratik, penyayang, budaya saing, dinamik, mempunyai daya ketahanan, kreatif dan progresif (Habibah Elias, 1995).

Guru adalah kumpulan pelaksana pendidikan yang diamanahkan merancang, melaksana dan menilai pengajaran dan pembelajaran. Dari segi menyediakan sumber tenaga (guru), Falsafah Pendidikan Guru (FPG) berhasrat menyediakan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi Negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin (Mok Soon Sang, 2005).

Menurut Kamarudin Kachar (1989), guru yang baik akan memikirkan kaedah yang terbaik untuk penghasilan yang terbaik. Guru-guru memainkan peranan penting dalam mendokong hasrat pendidikan untuk melahirkan cendekiawan menjelang 2020. Guru atau pendidik merupakan tunjang dan pelaksanaan yang paling utama untuk menjayakan reformasi pendidikan, pembangunan sumber manusia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru itu, pembentukan dan personaliti seseorang guru penting dalam mendidik dan melahirkan generasi muda yang berketrampilan dan berilmu pengetahuan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Harta paling berharga bagi sebuah negara adalah memiliki warga berkualiti yang disifatkan sebagai modal insan bagi memacu kegemilangan. Cabaran pembinaan modal insan juga terletak sebahagian besarnya di kalangan pendidik yang relatifnya terbabit dengan dunia pendidikan dan latihan untuk mengembangkan potensi, bakat, dan kualiti generasi muda.

Pendidikan memainkan peranan amat penting di dalam menyediakan negara dengan modal insan berkualiti yang memiliki sahsiah terpuji, berkemahiran tinggi, serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mengisi arus pemodenan menuju wawasan 2020.

Ruzain Syukur Mansor (2008) menyatakan bahawa antara tugas penting warga pendidik di dalam membangun modal insan ialah membentuk personaliti unggul di dalam membina kepemimpinan yang kental. Personaliti unggul inilah bakal diterjemahkan menerusi peribadi mulia, mempunyai sifat amanah dan kepemimpinan mulia serta berdisiplin dalam setiap tugas yang dijalankan. Maka cabaran warga pendidik pastinya di dalam menyemai nilai murni ke arah pembentukan personaliti unggul itu.

Oleh itu, pendidik yang bergelar guru cemerlang haruslah mempunyai ciri-ciri personaliti yang unggul juga untuk dijadikan sebagai '*role model*' kepada pelajar-pelajar di sekolah. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di peringkat sekolah, kecemerlangan guru bukan saja bergantung kepada kecekapan mereka dalam proses memberi ilmu pengetahuan tetapi faktor personaliti turut memainkan peranan penting. Holland (1973) mengatakan bahawa kepuasan dan pencapaian seseorang individu adalah hasil daripada pola personalitinya. Pilihan atau hubungkait kerjaya adalah berdasarkan kepada personaliti di mana seseorang individu berkembang dalam konteks biologikal, psikologikal dan persekitaran. Ciri-ciri yang wujud akan dapat menyediakan peluang-peluang aktiviti, tugas dan peranan yang kongruen dengan kecekapan dan minat mereka

serta persepsi diri yang selaras dengan jenis personaliti. Hasilnya kepuasan kerja yang wujud akan mendorong guru cemerlang melakukan sesuatu kerja secara bersungguh-sungguh dan berkesan (Rojiah, 2006).

Justeru itu, dengan pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan, dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya (Dr. Sapora Sipon, 2007).

Di samping itu, menurut kajian Ali Murat Sunbul (2003) terlalu banyak tekanan yang dihadapi oleh guru juga boleh mendatangkan pelbagai kesan yang negatif yang boleh mengganggu prestasi dan kepuasan kerja guru. Oleh itu, isu tekanan kerja guru kini sering diperkatakan di mana guru kini dibebani kerja di luar bidang tugasnya seperti kerja-kerja perkeranian. Malah keadaan yang lebih serius pernah dilaporkan, di mana seramai 1175 guru-guru bukan siswazah yang kebanyakannya mengajar di sekolah kebangsaan dilaporkan mengalami sakit mental (psikosis atau neourosis) (Zuria Mahmud, 1998). Terdapat pengkaji (Furhan dan Schaeffer, 1984; dan Albert dan Levina 1990; serta Noraini 1984 dalam Zuria Mahmud, 1998) yang mendapati keadaan ini dikaitkan dengan keadaan tidak kongruen antara personaliti individu tersebut dengan persekitaran kerja. Oleh sebab itu, cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan tidak mampu ditangani dan menimbulkan rasa kecewa. Kebanyakan guru melaporkan tekanan dalam pekerjaan mereka dan mengalami “burn-out” pada peringkat tertentu dalam pengalaman pekerjaan mereka.

Begitu juga dengan fenomena gangguan seksual yang semakin menular dewasa ini. Ia bukan sahaja berlaku di tempat kerja seperti di sektor penswastaaan, malah isu gangguan seksual mula menjadi perbualan di kalangan guru yang berkhidmat di seluruh sekolah di Malaysia. Ini membuktikan bahawa sekolah sebagai sebuah institusi yang murni dalam melahirkan modal insan yang berilmu dan berpekerti mulia juga turut tidak terkecuali daripada menjadi tempat gangguan seksual ini berlaku khususnya di kalangan para guru sendiri. Di Sibul, seorang guru lelaki didakwa mencabul lima murid perempuan berusia antara 11 hingga 12 tahun di sebuah sekolah rendah di Bungun, Dalat, ketika isterinya sedang menunggu waktu melahirkan anak sulung mereka (Berita Harian, 21 Mei 2010). Kajian oleh Profesor Madya Dr. Hj. Azizi pula telah mendapati terdapat hubungan yang signifikan kesan gangguan seksual dengan prestasi kerja di kalangan guru. Oleh itu, gangguan seksual di kalangan guru di sekolah sekaligus boleh menggugat kreadibiliti dan dedikasi seseorang guru itu untuk memberikan tumpuan kepada bidang tugas utama guru, iaitu mendidik anak bangsa (Hasmadi, 2006).

Dalam perkhidmatan pendidikan juga, tidak dapat dinafikan ada guru yang mengeluh tentang profesion mereka kerana tidak berpuas hati dan rasa diri tidak sesuai dengan profesion tersebut. Ini menyebabkan guru-guru bertindak ganas dalam pekerjaannya sehingga sanggup melakukan kekerasan kepada pelajar dengan cara merotan, melabel, menempeleng, memarahi pelajar dan menghukum yang melampau (Zuria Mahmud, 1998). Menurut seorang kaunselor Universiti Islam Antarabangsa, Asniza Mamat, salah satu andaian punca guru bertindak ganas terhadap murid ialah guru itu sendiri tidak berminat kepada profesion perguruan. Apabila tidak minat, bagaimana seseorang guru itu hendak menyesuaikan diri dengan karenah murid. Sudah tentu mereka tidak punya perasaan sabar. Mereka mudah merasa marah. Guru juga adalah manusia biasa yang mempunyai emosi, kadangkala perasaan marahnya sampai ke tahap lupa bahawa dia adalah guru dan berhadapan dengan anak orang lain. Pada 15 Disember 2005, seorang guru tuisyen, 54 tahun telah ditahan kerana mendera pelajar dan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas pelajar tahun tiga. Sementara itu, seorang guru didakwa kerana telah menendang pinggang seorang pelajar tahun enam sebanyak dua kali. Kejadian ini berlaku pada 2 April 2007 di salah sebuah sekolah di Sik, Kedah. Antara beberapa lagi

kejadian yang menunjukkan keganasan dilakukan oleh guru adalah apabila muka seorang pelajar berusia dua belas tahun senget akibat ditampar seorang guru pada 11 Jun 2007. Pelajar itu ditampar gara-gara ingin mengambil buku di dalam beg sebelum lewat menghadiri perhimpunan (18 Februari 2008).

Pendidikan kebangsaan yang sering mengalami perubahan turut menjadi satu beban kepada golongan guru (Jurnal Guru, 1996). Perubahan besar menembusi enam bidang pendidikan dalam tahun 1983 iaitu KBSR dan KBSM, ternyata meningkatkan lagi tanggungan para guru. Perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan di Malaysia terutamanya masalah pelajar, bebanan tugas, isu penilaian prestasi guru, pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris serta perubahan dasar yang tidak pernah selesai. Kesemuanya ini memerlukan pandangan guru terhadap apa yang dialami. Perubahan ini juga pasti akan menyebabkan bebanan tugas ke atas guru. Berita Harian (5 Ogos, 1999), telah melaporkan 30 peratus daripada jumlah 280,000 pendidik terpaksa memikul tugas luar dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas mengajar (Abang Mat Ali bin Abang Masagus, 1998).

Utusan Malaysia (1 September 2003), telah melaporkan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan mendakwa kesibukan guru dan pengetua menghadiri perjumpaan dan pelbagai kursus di luar sekolah. Manakala menurut kajian Lim (2001) pula, guru seringkali mengalami masalah berkurangan masa untuk menyelesaikan kerja mereka. Kajian Ghazali (1997) pula, telah menunjukkan 38.7% guru di Malaysia berada pada tahap kepuasan kerja yang rendah dan ini menyebabkan mereka kurang bersemangat untuk melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Ada setengah guru pula telah berhenti kerja sebelum masa bersara dengan alasan beban tugas yang semakin berat.

Fenomena guru yang mengambil keputusan untuk bersara lebih awal daripada yang sepatutnya sering dikaitkan dengan perubahan kurikulum baru. Ia menyebabkan sebilangan guru tidak puas hati dengan sistem senarai tugas guru yang semakin panjang (Rosli, 1996). Sebab-sebab lain adalah bebanan kerja, status di dalam masyarakat dan polisi kerajaan yang berlaku secara drastik (Shahril, 2001).

Begitu juga dengan Syed Syafeq (1997) dalam Mohd Huzaini (2006), menyatakan bahawa situasi atau keadaan persekitaran di sekolah juga boleh menjadi faktor wujudnya *burnout* di kalangan guru. Kebanyakan guru yang mengalami masalah ini menunjukkan tingkah laku tiada kesabaran terutamanya terhadap murid-murid lembap atau yang melakukan kesalahan. Bukan sekadar itu saja, guru-guru yang mengalami masalah *burnout* juga tidak mengharapkan anak-anak murid mereka menunjukkan kesungguhan belajar, kurang bersimpati terhadap murid-murid dan kurang mengambil tahu hal mereka.

1.3 Penyataan Masalah

Golongan guru merupakan anggota sekolah yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum dan program pendidikan di sekolah. Peranan yang dimainkan oleh seorang guru dalam sesebuah sekolah amat penting terutama dari segi pencapaian aspirasi dan matlamat sekolah. Menurut Mok Soon Sang (1988), antara peranan guru yang penting ialah sebagai pengarah pembelajaran dengan membimbing pelajar supaya mereka berusaha belajar secara individu atau berkumpulan dan bertindak sebagai ibu bapa kepada pelajar, demi menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar. Peranan ini akan membantu pelajar menyesuaikan diri dan menganggap sekolah sebagai sebahagian keluarga mereka. Selain itu, guru juga sebagai pendisiplin yang bertanggungjawab menjaga disiplin pelajar serta membantu mereka membentuk sahsiah dan kelakuan yang sejajar dengan nilai dan norma masyarakat. Guru juga sebagai contoh model hidup di mana tingkah laku guru menjadi contoh teladan kepada pelajar. Dengan ini, nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh guru di sekolah dapat diterapkan dalam jiwa pelajar. Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini harus menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya untuk mendidik generasi yang akan menjadi dewasa kelak.

Maka, guru perlu mempunyai profil personaliti yang boleh diteladankan agar sentiasa mencapai mutu kerja yang cemerlang. Personaliti guru melambangkan ciri-ciri keperibadian guru dan setiap guru mempunyai personaliti tersendiri. Oleh itu, guru cemerlang yang mempunyai profil personaliti yang tinggi sentiasa berusaha membentuk akhlak mulia dan membuktikan peningkatan prestasi akademik serta kokurikulum murid secara berterusan. Malah, guru cemerlang yang berpersonaliti tinggi merupakan sumber inspirasi kepada murid-murid di sekolah. Menurut Tournaki (2003), kejayaan dan kegagalan seseorang murid itu bergantung kepada pelbagai faktor seperti ibu bapa, guru, persekitaran, latar belakang keluarga, pergaulan, dan sikap murid itu sendiri. Justeru itu, jelas sekali menunjukkan guru juga merupakan salah satu faktor penyumbang kepada kejayaan seseorang murid itu.

Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan menjadi isu kekangan kepada guru-guru ke arah mencapai kecemerlangan dalam profesion keguruan. Sememangnya gelombang pembangunan pesat yang berlaku di negara ini dan juga seluruh dunia menyaksikan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh guru semakin meningkat. Oleh itu, guru cemerlang perlu mempunyai profil personaliti serta mekanisme yang tinggi dalam berdaya tindak ke atas isu-isu pendidikan yang berlaku. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau profil personaliti guru cemerlang sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya. Malah, kajian ini juga untuk mengenalpasti hubungan antara profil personaliti dengan tahap pencapaian prestasi kerja guru cemerlang.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji telah mengkategorikan kajian kepada tiga objektif utama. Hasil kajian diharapkan dapat mencapai objektif-objektif berikut :

- 1.4.1 Untuk mengenalpasti profil personaliti guru cemerlang sekolah kebangsaan di daerah kulaijaya.
- 1.4.2 Untuk mengenalpasti tahap pencapaian prestasi guru cemerlang.
- 1.4.3 Untuk mengenalpasti hubungan pencapaian prestasi berdasarkan faktor *Neuroticism, Openess to Experience, Extraversion, Conscientiousness dan Agreeableness*.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang pertama dan kedua di atas, dua persoalan kajian akan dijawab secara deskriptif seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah profil personaliti guru cemerlang sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya.
- 1.5.2 Apakah tahap pencapaian prestasi guru cemerlang.
- 1.5.3 Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada *Five Factor Model (FFM)*.

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian 3 secara inferensi, hipotesis-hipotesis kajian telah dibentuk seperti berikut :

Hipotesis 1

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada faktor *Neuroticism*.

Hipotesis 2

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada faktor *Agreeableness*.

Hipotesis 3

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada faktor *Extraversion*.

Hipotesis 4

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada faktor *Openness to Experience*.

Hipotesis 5

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian prestasi guru cemerlang berdasarkan kepada faktor *Conscientiousness*.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat profil personaliti guru cemerlang sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya dan hubungannya dengan tahap pencapaian prestasi kerja. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa implikasi dan manfaat kepada pelbagai pihak iaitu guru, pengurusan sekolah, dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.7.1 Guru

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang lebih terperinci tentang profil personaliti diri guru-guru. Di mana kajian ini membolehkan guru-guru lebih memahami profil personaliti diri mereka. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu mencari jalan penyelesaian atau mengaplikasikan dapatan kajian ini untuk mencapai keadaan psikologikal yang sihat. Di samping itu, ia juga dapat mewujudkan kesedaran kepada guru-guru tentang peranan personaliti dalam kehidupannya. Kesannya, guru-guru akan lebih bersemangat, bersifat inisiatif, berkeyakinan diri, dan mempunyai keinginan untuk menuju ke arah kejayaan.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru cemerlang untuk mengenal pasti tret personaliti bagi membantu kepada proses peningkatan akademik pelajar terutamanya di dalam aspek perubahan yang dibawa oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kefahaman yang lebih mendalam mengenai hubungan profil personaliti guru dan pelajar dengan pencapaian akademik yang sedang mengalami perubahan akan dapat membantu memperbaiki keadaan dan terus mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian Jam dan Abdullah (1998), mendapati latar belakang guru sangat mempengaruhi penglibatan guru dengan pelajar.

1.7.1 Sekolah

Individu yang berlainan memerlukan cara yang berlainan untuk mengawal dan menyelesaikan kerja di sekolah. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan satu panduan kepada pihak pengurusan sekolah dalam memberi bantuan kepada para guru. Caranya ialah merangka dan melaksanakan program-program intervensi untuk memperbaiki gaya pengajaran dan kepuasan kerja berdasarkan profil personaliti guru cemerlang. Penyusunan semula agihan tugas kerja guru cemerlang samada dalam bidang kurikulum atau bidang kokurikulum boleh dilakukan dalam konteks ini.

1.7.2 Kementerian Pelajaran Malaysia

Pihak Kementerian Pelajaran boleh menggunakan maklumat daripada kajian ini sebagai panduan dalam merangka strategi yang berkesan untuk meningkatkan kualiti kerja guru cemerlang. Program-program peningkatan personaliti guru seumpama ini boleh dilaksanakan untuk membantu guru cemerlang meningkatkan prestasi kerjanya. Di samping itu, hasil kajian dapat mendorong pihak kementerian merangka kurikulum kursus perguruan yang lebih seimbang dari segi afektif dan intelek untuk memupuk guru cemerlang yang tinggi nilai personalitinya.

Malah Kementerian Pelajaran, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) khususnya, boleh menggunakan maklumat ini sebagai satu cara untuk membentuk proses pemilihan dan pengambilan calon guru yang lebih baik dan tepat. Penggubalan soalan Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia (Malaysia Teachers Selection Test – MTeST) dapat dipertingkatkan dengan penyediaan soalan berbentuk minat dan personaliti calon guru. Secara tidak langsung ia dapat mencapai matlamat teras kelima PIPP, memartabatkan profesion keguruan melalui menambah baik sistem pemilihan calon guru dan menepati dasar KPM iaitu mulai tahun 2005, syarat pengambilan calon guru diperketatkan kepada calon guru yang berkualiti sahaja.

Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat menarik minat dan inisiatif penyelidik lain untuk mendalami objektif-objektif kajian bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan keesahannya. Secara ringkasnya, para penyelidik boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai input mereka untuk menjana teori dan pendekatan yang lebih sesuai dalam dunia pendidikan.

1.8 Batasan Kajian

Batasan dalam kajian ini adalah terhad kepada perkara-perkara berikut :

- 1.8.1 Kajian ini tertumpu kepada sekolah kebangsaan dalam daerah Kulaijaya.
- 1.8.2 Kajian ini terbatas kepada guru-guru cemerlang di sekolah kebangsaan dalam daerah Kulaijaya, maka dapatannya tidak boleh digenerealisasikan.
- 1.8.3 Faktor-faktor latar belakang responden iaitu jantina, umur, ras, dan tahap status sosio ekonomi serta tahap pendidikan responden tidak diberikan penekanan dalam kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Dalam memberikan kefahaman bagi kajian ini, terdapat beberapa definisi konsep atau istilah yang digunakan oleh pengkaji bagi menjelaskan sesuatu perkara supaya ianya selari dengan maksud atau makna yang disampaikan. Antaranya ialah :

1.9.1 Profil

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000), profil didefinisikan sebagai bentuk atau gambaran sesuatu sebagaimana yang dilihat dari sisinya atau gambaran yang menunjukkan peranan sesuatu pada sesuatu masa. Profil juga bermaksud penghuraian tentang seseorang atau sesuatu yang akan mengandungi maklumat yang berguna. Dalam konteks kajian ini, profil dirujuk kepada ciri-ciri personaliti guru cemerlang di sekolah kebangsaan dalam daerah Kulaijaya.

1.9.2 Personaliti

Secara umumnya, perkataan personaliti adalah bermaksud identiti peribadi, keindividuan, dan kualiti yang membentuk seseorang individu. Hilgard (1957), mendefinisikan personaliti sebagai ciri-ciri dan cara gaya tingkah laku individu di dalam pengorganisasian dan pencorakannya, mempengaruhi penyesuaian hasil daripada interaksi antara ciri-ciri peribadi, keadaan fizikal dan persekitaran sosial. Ini adalah bersama dengan pendapat Mahmood Nazar (1990) yang mendefinisikan personaliti sebagai sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain. Maka, personaliti merangkumi sifat-sifat fizikal, emosi, dan kognitif seseorang individu.

Dalam kajian ini, personaliti dirujuk kepada *Big Five* Personaliti yang dikategorikan kepada lima faktor utama iaitu :

1.9.2.1 *Openness to Experience*

Golongan yang berada dalam kumpulan ini mempunyai sikap yang terbuka terhadap sesuatu idea. Mereka ingin terdedah kepada sesuatu pengalaman yang baru. Setiap daripada pengalaman yang diterima atau datang pada mereka akan digunakan dengan sepenuhnya. Mereka mempunyai sifat ingin tahu yang begitu mendalam. Mereka suka pada sesuatu benda yang cantik dan menghargai kesenian. Golongan ini yang lebih peka terhadap emosi mereka dan suka membandingkan diri mereka dengan orang yang terdekat dengan mereka. Mereka bertindak dan berfikir secara tersendiri (individualistik) dan dalam cara yang kurang berkonfrontasi. Orang yang kurang mempunyai sifat dominan dalam ciri ini mempunyai daya persepsi dan pemikiran yang cetek dalam sesuatu hal. Mereka lebih suka pada sesuatu yang terus terang dan kurang kompleks. Mereka mempunyai tanggapan (prasangka) atau kekhuatiran (wasangka) yang salah tentang perkara yang berkaitan dengan seni dan sains. Golongan ini lebih bersifat konservatif dan tidak suka pada perubahan khususnya yang drastik. Sikap terbuka (*openness to experience*) ini pada pandangan ramai ahli sosiologi adalah sihat dan lebih matang dari aspek pemikiran dan tindak-tanduk. Walaubagaimanapun pemikiran terbuka dan tertutup ini berguna pada situasi atau persekitaran yang berbeza.

1.9.2.2 *Conscientiousness*

Nilai mempunyai kesedaran yang tinggi ialah satu ciri personaliti di mana seorang individu itu amat berhati-hati semasa membuat sebarang keputusan, atau satu kualiti yang wujud dalam diri seorang manusia yang bertindak mengikut kesedaran mindanya. Ciri ini

merujuk kepada seseorang yang mempunyai kesedaran yang di antaranya merangkumi kehidupan sehariannya, persekitarannya, dan masyarakat sekelilingnya. Bentuk kesedaran kita wujud melalui tindak balas impuls kita. Kesedaran kita berdasarkan cara kita mengawalinya, mengurusnya dan cara kita bertindak berdasarkan impuls yang diterima.

Antara ciri yang dipunyai oleh golongan ini adalah seperti boleh dipercayai, sanggup bekerja keras untuk sesuatu, menepati masa, kemas dari segi kerjanya dan keperibadian luarannya, berdisiplin, bercita-cita tinggi dan mempunyai atau suka pada kehidupan yang teratur (*organized*). Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh golongan ini adalah mereka sering dan selalu bekerja keras (*workoholics*) dan dikategorikan dalam satu tingkah laku yang disebut sebagai “*Obsessive Compulsive Perfectionists Behavior*”. Tambahan pula, individu yang tinggi dalam nilai ini kadang kala membosankan disebabkan oleh sifat atau sikap mereka yang tidak ingin mengambil risiko dan kurang ingin terdedah kepada persekitaran (*less adventurous*). Golongan yang kurang mempunyai kesedaran (*unconscientiousness*) lazimnya akan dikritik kerana tidak mempunyai cita-cita, kurang dipercayai, dan tidak beramanah.

Tetapi, golongan ini tidak akan dicopkan sebagai orang yang membosankan. Menurut satu kajian yang dilakukan, dikatakan bahawa kesedaran kita terletak pada bahagian lateral belakang otak kita dan dikatakan orang yang mempunyai kesedaran yang tinggi mempunyai bentuk kepala yang berbentuk seakan kubah (*domeshaped*), manakala orang yang mempunyai kesedaran yang kurang mempunyai bentuk kepala yang berbentuk seakan bujur (*oral shaped*).

1.9.2.3 *Extraversion*

Golongan yang berada dalam kumpulan ini biasanya bersikap “*out going*”, penuh bertenaga dan biasanya bersikap positif. Individu yang tergolong dalam kumpulan ini mempunyai minat terhadap orang lain atau persekitaran mereka dari dirinya sendiri.

Persepsi dan perspektif mereka terhadap sesuatu perkara itu terutamanya tentang hidup ini pada kebiasaannya ialah positif. Bagi golongan ini, dunia ini merupakan “Taman Permainan” mereka. Semasa berada di dalam kumpulan mereka, mereka suka sangat bercakap, menilai diri mereka dan mendapat perhatian. Berbanding dengan kumpulan ini terdapat satu kumpulan lagi yang betul-betul berbeza dari kumpulan extrovert iaitu kumpulan yang dikenali sebagai golongan introvert. Golongan introvert ini kurang dari segala aspek yang dimiliki oleh kumpulan golongan Extrovert. Antara ciri personaliti yang dimiliki oleh golongan ini adalah seperti kurang bertenaga, suka persendirian, dan biasanya kurang berhubung dengan masyarakat sekeliling.

Kurang penglibatan mereka dalam masyarakat bukan bermakna mereka ini ‘Anti-sosial’, sedih (*depressed*) atau berasa malu, tetapi mereka ini tidak perlu banyak stimulasi dari persekitaran mereka berbanding dengan yang berada dalam golongan extrovert dan lebih memilih untuk bersendirian.

1.9.2.4 *Agreeableness*

Seseorang individu mempunyai pendapat yang berbeza tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kerjasama dan keharmonian sosial di antara masyarakat. Individu yang mempunyai nilai yang tinggi dalam ciri ini menghargai perhubungan di antara orang ramai. Jadi lazimnya orang yang mempunyai nilai yang tinggi dalam ciri ini berperikemanusiaan, peramah, suka menolong, dermawan dan sanggup berkompromi dengan orang lain walaupun dengan kepentingan mereka yang akan mungkin tergugat. Individu yang senang berkompromi ini mempunyai pandangan yang optimistic terhadap manusia, mereka senang melihat pada kebaikan yang ada pada orang. Individu yang senang berkompromi ini senang mendapat dan mengekalkan hubungan dengan orang lain. Mereka dapat mengekalkan status popularity mereka dengan baik.

Individu yang kurang mempunyai trait ini meletakkan kepentingan diri sendiri daripada bergaul dengan orang ramai. Mereka tidak mengambil peduli tentang masalah orang lain dan tidak kisah akan pandangan orang ramai tentang diri mereka. Kadang-kala mereka berprasangka terhadap motif orang lain dan ini membuatkan mereka bersifat wasangka, tidak bekerjasama dan kurang peramah.

Tetapi keburukan memiliki trait ini ialah antaranya orang ini kurang sesuai untuk membuat kerja-kerja yang lasak atau yang memerlukan mereka membuat keputusan yang berpendirian yang kukuh contoh dalam bidang koprat. Individu yang sebaliknya pula boleh menjadi seorang saintist, pegawai tentera, ahli koprat, pengkritik, ahli perniaga atau tentera.

1.9.2.5 *Neuroticism*

Tret ini merujuk kepada mereka yang kebiasaannya berpandangan negatif. Mereka yang bertahap tinggi dalam tret ini pada mulanya merasa satu sifat yang negatif yang spesifik contoh seperti kemarahan, kemuraman (*depression*), ketakutan atau kebimbangan pada sesuatu isu, tapi kemungkinan orang ini akan merasakan lebih dari salah satu emosi-emosi negatif ini pada satu-satu masa yang tertentu atau pada masa yang sama juga. Mereka dalam golongan ini mempunyai emosi yang reaktif. Ini dikatakan dominan kerana mereka bertindak dengan lebih beremosi terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang pada pandangan atau response orang lain adalah biasa. Reaksi mereka terhadap perkara-perkara ini adalah lebih tertekan.

Mereka lebih ter cenderung untuk memandangi sesuatu situasi yang normal sebagai mengancam nyawa dan kekecewaan yang kecil dalam hidup mereka sebagai sesuatu yang sangat susah. Disebabkan emosinya yang negatif ini berpanjangan, pada kebiasaannya golongan ini tertekan sepanjang masa. Disebabkan oleh faktor-faktor ini, golongan ini tidak dapat berfikir secara logik.

1.9.3 Guru

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000), perkataan guru bermaksud pendidik, pengajar, dan pengasuh. Oleh yang demikian menurut konteks pendidikan di Malaysia guru merupakan individu yang bertauliah di dalam profesion pendidikan yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar menerusi proses pengajaran dan pembelajaran serta bermotifkan perubahan jasmani, emosi, rohani, dan intelek seseorang pelajar.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1992) pula, mendefinisikan guru sebagai pendidik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, memperkembangkan kemahiran dan membentuk budi pekerti atau akhlak pelajar. Di samping tugas-tugas lain iaitu sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai model atau contoh teladan. Oleh itu, guru perlu menyesuaikan diri dengan garis panduan ini. Dalam konteks kajian ini, guru dirujuk kepada guru - guru cemerlang di sekolah kebangsaan dalam daerah Kulaijaya.

1.9.4 Cemerlang

Menurut Kamus Dewan (1997), cemerlang bermaksud kejayaan seseorang individu yang sangat baik. Pencapaian cemerlang dalam konteks kajian ini bermaksud guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Guru juga sentiasa berdedikasi dan bermotivasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang cemerlang secara berterusan.

Dalam kajian ini, cemerlang dirujuk kepada lima aspek kecemerlangan guru yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu :

1. Kecemerlangan Peribadi

Dari segi peribadi, guru cemerlang berkeyakinan diri, adil, bertimbangrasa, beramanah, bertanggungjawab, kreatif, inovatif, sedia berkongsi, bekerjasama, bersikap terbuka dan positif.

2. Kecemerlangan Pengetahuan Dan Kemahiran

Dari segi pengetahuan dan kemahiran, guru cemerlang adalah pakar rujuk pengajaran dan pembelajaran; peka dan prihatin terhadap keperluan dan kebajikan pelajar; bijak mengurus masa, bahan, sumber, alatan pengajaran dan pembelajaran; dan mampu mengenalpasti keperluan dan masalah pelajar serta menyediakan program tindakan susulan.

3. Kecemerlangan Kerja

Dari segi kerja, guru cemerlang berupaya meningkatkan hasil pembelajaran pelajar menerusi peningkatan minat dan penglibatan pelajar; menerusi kebolehan dan kejayaan dalam membimbing pelajar di dalam dan di luar waktu pengajaran; menerusi kekerapan pemberian kerja bertulis; dan menerusi penguasaan dan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran.

4. Kecemerlangan Komunikasi

Dari segi komunikasi, guru cemerlang adalah perintis sesuatu usaha serta berjaya berinteraksi menyampaikan idea dan mesej dengan berkesan baik secara bertulis mahupun lisan.

5. Kecemerlangan Potensi

Dari segi potensi, guru cemerlang adalah guru yang berwawasan; sentiasa belajar untuk peningkatan kerjaya; sentiasa terlibat dalam kursus, seminar dan bengkel; serta sentiasa menyumbangkan tenaga dan kepakaran ke arah kejayaan sekolah.

1.9.5 Sekolah

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005), sekolah bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Sekolah juga merupakan masyarakat kecil yang menjadi asas panduan, harmoni, bertatasusila dan berdisiplin (Panduan Disiplin Sekolah, 1981). Sekolah juga merupakan sebuah organisasi tidak formal yang wujud akibat daripada berlakunya interaksi social iaitu proses di mana manusia bertindak atau bertindakbalas dengan orang lain antara individu atau kumpulan dalam organisasi itu (Sharifah Alawiyah Alsagof, 1985). Dalam konteks kajian ini, sekolah merujuk kepada sekolah kebangsaan yang terdapat di daerah Kulaijaya. Kajian ini melibatkan lapan buah sekolah kebangsaan zon bandar di daerah Kulaijaya.

1.9.6 Prestasi Kerja

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997), prestasi kerja bermaksud hasil yang telah diperolehi atau pencapaian kerja yang ditunjukkan. Menurut Dessler (2003), prestasi kerja perlu melibatkan penetapan piawai kerja, penilaian terhadap pencapaian sebenar pekerja berbanding piawai yang telah ditetapkan dan menyediakan maklumat balas dengan tujuan mendorong pekerja menghapuskan elema-eleman yang menolong mereka daripada mencapai piawai yang telah ditetapkan. Hasil daripada penilaian yang dilakukan akan membolehkan pengurus mengenal pasti potensi, tahap kemampuan pekerja dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan dan mengenal pasti gelagat pekerja yang menyumbang atau menghalang kepada pencapaian piawai yang telah ditetapkan.

Sementara itu, Latham dan Wexley (1994) telah menjelaskan bahawa prestasi kerja merupakan keputusan personal yang akan memberi kesan kepada status dan masa depan pekerja dalam organisasi. Definisi yang diberikan ini jelas menunjukkan bahawa prestasi kerja merupakan mekanisme utama untuk mengawal pekerja dalam sebuah organisasi. Melalui penilaian yang dilakukan akan membolehkan pengurus membezakan di antara pekerja yang cemerlang, sederhana dan lemah dari segi pencapaian yang sudah tentu akan mempengaruhi bentuk tindakan dan masa depan kerjaya mereka dalam organisasi.

Dalam kajian ini, prestasi kerja merujuk kepada tahap pencapaian yang diperolehi oleh seseorang guru cemerlang dalam bidang perguruan dari segi perkhidmatan cemerlang yang diukur dan diberikan setiap setahun berkhidmat oleh ketua jabatan. Jadual 3.1 menunjukkan Skala untuk prestasi kerja di kalangan Guru Cemerlang diukur melalui skala seperti berikut :

Jadual 1.1 : Skala Prestasi Kerja Perkhidmatan Awam

Gred Markah	Tahap Prestasi
85 – 100	Cemerlang
80 -84.9	Baik
50 – 79.9	Memuaskan
0 – 49.9	Tidak Memuaskan

Sumber : Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam
Malaysia SSM (2002).

1.10 Kesimpulan

Bab ini menerangkan tentang latar belakang kajian serta penyataan masalah mengenai skop kajian yang dilakukan. Objektif dan persoalan kajian juga dibina untuk membataskan kajian kepada kepentingan dan matlamat tertentu. Hipotesis dibina berdasarkan objektif dan persoalan untuk meramal hasil dapatan bagi kajian yang dilakukan. Bagi membina borang soal selidik dan huraian mengenai dapatan kajian, pengkaji merujuk kepada definisi operasi yang telah disesuaikan dengan kehendak kajian.

RUJUKAN

- Bem P. Allen (2003). *Personality Theories, Development, Growth, and Diversity*, Fourth Edition. Western Illinois University: Pearson Education, Inc.
- Christopher Peterson (1992). *Personality*, Second Edition. University Of Michigan: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Crow, L.D And Crow, A. Terjemahan Oleh Habibah Bt Elias (1980). "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. 6-10.
- Jess Feist & Gregory J. Feist (1998). *Theories Of Personality*, Fourth Edition: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Kamarudin Abu dan Ee Ah Meng (1995). "Guru Dan Perkembangan Negara." Kuala Lumpur: Fajar Bakti. 360-366.
- Larry A. Hjelle, Daniel J. Ziegeler (1992). *Personality Theories*, Third Edition: McGraw-Hill, Inc.
- Naemah Bt Hamzah (2007). Hubungan Keserasian Pola Personaliti-Persekitaran Enam Kerjaya Bidang Keagamaan Dengan Kepuasan Kerja Di Negeri Johor. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Nina Raynelda Bt Ahmad Kamil (2008). Tret Personaliti Dan Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Bidang Perguruan Di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

- Nooraini Bt Othman (2002). *Gaya Hidup Sebagai Ciri Personaliti, Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Noorroziyana Abdul Jalil (2000). “Darjah Kongruen Personaliti Persekitaran Serta Hubungannya Dengan Kepuasan Kerja: Tinjauan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Yang Mengajar Matapelajaran Pendidikan Seni, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani Dan Matematik.” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Puspa A/P Suppiah (2007). *Profil Personaliti Dominan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Zon Pasir Gudang, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Rahim Bin Haron (2008). *Keserasian Personaliti-Persekitaran Dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Kaunseling Sekolah Menengah Harian*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ramlee Bin Hj. Abdul Rahman (2003). *Masalah Stres Di Kalangan Guru-Guru Pertukangan Di Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Melaka Tengah (Satu Kajian Mengenai Punca Dan Tahap Stres Guru)*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Richard S. Lazarus Alan Monat (1979). *Personality*, 3rd Edition: Prentice-Hall, Inc.
- Rohaty Mohd. Nazjub (1993). “Satu Tinjauan Sahsiah Dan Tingkah Laku Yang Berkaitan Dengan Pembelajaran.” *Jurnal Pendidikan*: Jilid 15. 123-136.
- Shahabuddin Hashim (2002). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur Dan Barat*, Bentong, Pahang: PTS Publications Dan Distributors Sdn. Bhd.

- Sharifah Nor Bt Syed Abdul Rahman (2001). *Gaya Komunikasi Pengetua Dan Pengaruhnya Terhadap Komitmen Guru: Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Siti Eshah Bt Ishak (2006). *Hubungan Keserasian Darjah Kongruen Personaliti-Persekitaran Dengan Kepuasan Kerja Di Kalangan Lima Jawatan Perubatan Di Salah Sebuah Hospital Di Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Skinner, B. F. (1974). "Designing Higher Education." *Daedalus*.
- Tournaki, N. (2003). "Effect Of Student Characteristics On Teachers' Predictions Of Student Success." *The Journal Of Educational Research*: Vol. 96 (No. 5).
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1994). "Wawasan Pendidikan." Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd. 99-118.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahabuddin Hashim dan Dr. Rohizani Yaakub (2002). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Selangor : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Richard M. Ryckman (2004). *Theories Of Personality*. Eighth Edition. University Of Maine : Thomson Learning Academic.

Jim Mc Martin (1995). *Personality Psychology A Student Centered Approach*. London : Sage Publications.

Daniel Cerrone dan Lawrence A. Pervin (2007). *Personality Theory And Research*. Tenth Edition. United States : John Wiley & Sons, Inc.

Shahabuddin Hashim Dan Dr. Rohizani Yaakub (2007). *Theori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur, dan Barat*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Ismail Othman (2005). *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Valerian A. Derlega, Barbara A. Winstead Dan Warren H. Jones (2005). *Personality Contemporary Theory And Research*. Third Edition. Canada : Thomson Learning Academic.

Ragbir Kaur a/p Joginder Singh (2007), *Ilmu Pendidikan untuk Kursus Lulusan Ijazah (KPLI)*, Kuala Lumpur ; Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Teague, J. (2000) *Personality Type, Career Preference and Implications for Computer Science Recruitment and Teaching*, Deakin University.

Utusan Malaysia (20 Mei 2005), "Profesion Guru Diperkasa dalam RMK-9.

Siti Mislia binti Selamat, 2009, *Keselarasan Pola Personaliti dengan bidang pengkhususan dan Tahap Motivasi guru pelatih*, UTM, Tesis Sarjana

Mohd. Majid Konting (1994) , *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur : PTS Profesional.
- Babbie, E. (2008). *Basics of Social Research*, Thomson Wadsworth, Fourth Edition, Chapman University.
- Sidek Mohd Noah (2003). *Perkembangan Teori dan Praktis*, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Ahmad Tal At Mohd Zahari (1994). *Persepsi Guru terhadap Perlaksanaan Amali di Sekolah Menengah Vokasional Negeri Johor*, UTM : Tesis Sarjana Muda.
- Rowntree, D (1981). *“ Statistik Without Tears : A Primer for Non-Mathematicians*, Penguin.
- Siti Fatimah Abd. Razak (2001). *Faktor Minat, Faktor Persekitaran, Faktor Keluarga dan Faktor Ekonomi Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan*, UTM : Tesis Sarjana Muda.
- [http:// ms.wikipedia.org/wiki/ciri_personaliti-lima-utama](http://ms.wikipedia.org/wiki/ciri_personaliti-lima-utama)
- Janet Ho Siew Ching (2006). *The Validity of the Big Five Inventory and Gender Differences in Students, Personality Profile*, UTM : Tesis Sarjana
- Calman, A. M. (2003). *A Dictionary of Psychology* New York : Oxford University Press.
- Eysenck, H. J. (1984). *Cattell and The Theory of Personality, Multivariate Behavioral Research*. 19: 323-336
- Ma’rof Redzuan and Haslinda Abdullah (2004). *Psikologi*. 2nd Edition, Universiti Putra Malaysia: Mc Graw Hill.

- Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya. (2010). Senarai Nama dan Bilangan Guru Cemerlang (APC) dalam sekolah kebangsaan di daerah Kulaijaya, Johor, Kulaijaya : Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya.
- Rosli Abdullah (1996). Kepuasan Kerja di Kalangan Guru-guru Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Daerah Kuala Langat, Sepang, UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Shahri Abdul Rahman (2001). An Investigation into Teacher's Career Satisfaction in the State of Sarawak, Malaysia, University of Western Australia : A Doctorial Dissertation.
- Ruhana binti Hashim (2005). Amalan Ciri-ciri Pengurusan Sekolah Berkesan di Sekolah Cemerlang Daerah Batu Pahat, UTM, Tesis Sarjana.
- Shahrulbanun Binti A. Ghani (2005). Hubungan Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan dengan Prestasi Kerja Guru Kanan Matapelajaran di Sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru, UTM, Tesis Sarjana.
- Mohammed Sani Ibrahim, Wan Zulkifly Wan Zakaria (2002). Tahap Kepakaran Guru Kanan Matapelajaran Dalam Memperkembangkan Profesion Guru, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Sew Lee. (2006). Pengaruh Personaliti ke atas Kepuasan Kerja dan Stres Kerja Guru, UTM, Tesis Sarjana.
- McMillan J.H, and Schumacker.S (1984). Research in Education : Conceptual Introduction, Canada : Little Brown Co.
- Larsen R.J and Buss D.M (2002). Personality Psychology : Domains of Knowledge About Human Nature, New York : Mc Graw Hill.

- Hamdan bin Zainal Atuad (2003). Perupayaan dalam Pengurusan Sekolah : Satu Tinjauan Di Kalangan Pengurus Pertengahan di Sekolah Menengah di Bandar Johor Bahru, UTM, Tesis Sarjana.
- Wan Rahimah Wan Abdul Kadir (1995). Pendidikan Masa Kini : Ke arah Melahirkan Generasi Berkualiti, Jurnal Guru. Bil 17 : 426-436.
- Wan Abdul Kadir Wan Ahmad (2000). Kajian Pola Personaliti dan Hubungan dengan Kepuasan Bekerja, Jurnal Perkama. Bil 18 : 87-99.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. KL : KPM.
- Yaacob bin Ismail (1985). Peranan dan Masalah Kerjaya Guru-guru Sains Lulusan Diploma Sains serta Pendidikan, UTM, UTM : Tesis Sarjana.
- Faridah Karim dan Zubaidah Aman (1998). Implikasi Burnout di Kalangan Guru-guru Terhadap Sistem Pendidikan, Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, November 26-27, Malaysia : UKM, 317-333.
- Peter Songan dan Narawi bin Udin (2002). Tahap dan Punca Utama Stress Kerja di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah di Sarawak, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kem Pendidikan Malaysia, 1-17.
- Mohd Najib bin Sapari (2009). Stress Kerja Dalam Kalangan Guru Akademik, Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Segamat, Johor, UTM: Tesis Sarjana.
- Mohd Rafi bin Mohd Shariff (2009). Hubungan Burnout dengan Kepuasan Kerja di Kalangan Guru-guru Sekolah Angkatan Tentera, Johor Bahru, UTM: Tesis Sarjana.

- Ishak bin Kasim (2009). Punca dan Tahap Stress Dengan Hendak Berhenti Kerja Di Kalangan Guru di Daerah Kota Tinggi, Johor, UTM: Tesis Sarjana.
- Khasturi a/p Ramalingam (2009). Hubungan Stress Dengan Niat Hendak Berhenti Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang, Johor, UTM: Tesis Sarjana.
- Kamariah Mohd Said (2000). Hubungan Kepuasan Kerja dengan Darjah Kongruen Personaliti. Persekitaran Pekerjaan, Tinjauan di Kalangan Guru-guru Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kemahiran Hidup, Tesis Sarjana Muda tidak diterbitkan, UKM.
- Gan Mui Eng (1997). Faktor Kesepadanan di Antara Personaliti dengan Persekitaran Kerja Berhubung dengan Kepuasan Kerja Guru, Tesis Sarjana tidak diterbitkan UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuria Mahmud (1998). Perkembangan Kerjaya Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia, Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki, 8:51-65.
- Imam Al-Ghazali (1966). Ajaran-ajaran Akhlak, Surabaya: Penerbit Al-Ikhlash.
- Perlman and Mc Cann (1998). Student Pet Peeves about Teaching. In Kantonitz, B.H Roediger III, H.L and Elmes D.H (2005) Experimental Psychology, 8th Edition Belmont, LA: Thomsons Learning Incorporation.
- Mohd. Mohtari (2000). Kesesuaian Personaliti dengan Persekitaran yang Menyentuh Pencapaian Akademik Sekolah Menengah Kelapa Sawit, Kulai, UTM : Tesis Sarjana Muda.
- Atan Long (1982). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bradley R.J and Hebert D. (1997). Personality Correlates of Adjustment in Isolated Work Groups, *Journal of Research in Personality*, 18: 491-496.

Holland J. L. (1985). *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*, Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice Hall.

Khairuddin Mat Zin. (1996). *Tingkat Motivasi : Hubungannya Dengan Keperluan Kerja*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.

Dessler G. (2003). *Human Resources Management (7th Edition)*. Prentice Hall : New Jersey.

Latham G.P Dan Wexley K.N. (1994). *Increasing Productivity Through Performance Appraisal*, New York : Addison Wesley Publishing Company.

Leap T.L. And Crino M.A. (1993). *Personnel / Human Resources Management (2nd Edition)*. New York : Mac Millan Publishing.

Elanggovan A/L M. Savarimuthu (2007). *Hubungan Antara Guru Dan Pelajar Tingkatan 3 Dengan Pencapaian Akademik Cemerlang : Tinjauan Di Sebuah Sekolah Menengah Kawalan Pelajaran Daerah Kulai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.

Yong May Lee (2006). *Kesan Ciri-Ciri Kerjaya Terhadap Motivasi Kerja Guru*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.

Aminurrashid Bin Ahmad Dahari (2000). *Hubungan Antara Konsep Kendiri Pelajar Dan Persepsi Terhadap Keprofesionalan Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Mereka*. Sarjana Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.

- Talhah Bin Endut (2001). Hubungan Antara Beban Tugas Dengan Personaliti Pensyarah di ITTAR : Satu Tinjauan, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Munson, L. J., Miner, A. G., & Hulin, C. (2001). "Labeling Sexual Harrassment In The Military : An Extension And Replication". *Journal Of Applied Psychology*, 86, 293-303.
- Low Li Chueen (2007). Perbandingan Keserasian Personaliti – Persekitaran (P-EFIT) Di Antara Guru (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan) Dan Guru (Kursus Perguruan Lepas Ijazah). Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Mohd Huzaini Bin Jufrin. (2006). Hubungan Burnout Dengan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah : Satu Kajian Di Zon Pasir Gudang. Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Abdul Ghani Bin Jaafar. (2009). Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Motivasi Dan Pencapaian Akademik Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Noor Zakiah Binti Manaf. (2009). Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Tahap Stres Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Separuh Masa. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Abdul Mamat. (1996). Manusia Dan Personaliti : Membentuk Insan Yang Sempurna. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributor.
- Judge, T. A., Heller, D., And Mount, M. K. (2002). Five-Factor Model Of Personality And Job Satisfaction : A Meta – Analysis. *Journal Of Applied Psychology*. 87(3) : 530-541.

Boudreau, J. W., Boswell, W. R., Judge, T. A., And Bretz, R.D. (2001). Personality And Cognitive Ability As Predictors Of Job Search Among Employed Managers. *Personnel Psychology*. 54(1) : 25-50.

McAdams, D. P. (2006). *The Person : A New Introduction To Personality Psychology*. 4th Ed. John Wiley And Sons, Inc.

Cooper, C. L., And Payue. R. (1988). *Causes, Coping And Consequences Of Stress At Work*. New York : John Wiley And Sons.

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Gurucabullimamurid/Article/index_html

http://kulan2salleh.com/isu_isu_pendidikan_di_malaysia/

http://radiahshapuan_wordpress.com/2008/02/18/kes_kes_keganasan_yang_dilakukan_guru/

http://eprints.utm.my/2352/1/Aziziyahya_masalah_gangguan_seksual.pdf

[http://Teori Personaliti Tesis/Pengaruh Five Traits Personality](http://Teori_Personaliti_Tesis/Pengaruh_Five_Traits_Personality)

[http://Ciri personaliti Lima Utama – Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas](http://Ciri_personaliti_Lima_Utama_-_Wikipedia_Bahasa_Melayu,_ensiklopedia_bebas)

<http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2008/07/ustazah-dicekup-berkhalwat.html>

<http://www.sahabat-gunung.com/2007/05/guru-berkhalwat-dengan-murid-gpms-kesal.html>

<http://zahirzainudin.blogspot.com/2007/08/peranan-guru-dan-sekolah-dalam-sistem.html>

<http://sarjana.tripod.com/prestasi1.html>

- Krejcie R. V., And Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30, 607 – 710.
- Sulaiman Ngah Razali. (2002). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dockins, T. F. (2004). Person Environment Congruence, Job Stability, And Job Satisfaction : An Examination Of Holland's Theory Of Vocational Personalities and Work Environments In The Nursing Profession.
- Donohue, R. (2006). Person-Environment Congruence In Relation To Career Change And Career Persistence. *Journal Of Vocational Behavior*. 68, 504-515.
- Thomas. L. E and Robbins P. I. (1979). Personality And Work Environment Congruence Of Mid Life Career Changers. *Journal Of Occupational Psychology*. 52, 177-183.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : UTM.
- Mustafa Bin Zakaria. (2008). *Profil Personaliti Dan Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM*. UTM : Tesis Sarjana Muda.
- Maslow. A. H. (1954). "Motivation and Personality". New York : Harper and Row Publishers, Inc.
- Agnes Anak Narawi. (2005). *Stres Di Tempat Kerja Dan Kecenderungan Untuk Meninggalkan Profesion Perguruan Di Kalangan Guru Sekolah Rendah*. UTM : Tesis Sarjana.